

15 HARI SAMBUTAN TAHUN BAHARU CINA

Teks: Chai Loon Guan



Tahun Baharu Cina 2020 mula dirayakan oleh masyarakat Cina di seluruh dunia pada tanggal 25 Januari 2020 yang lalu. Sambutan Tahun Baharu Cina 2020 merupakan giliran zodiak tikus mengikut kalendar masyarakat Cina. Sebenarnya, perayaan asal Tahun Baharu Cina merangkum 15 hari sambutan, iaitu sambutan bulan penuh pada bulan lunar.

Pada lapan hari pertama, khas didedikasikan kepada haiwan, manusia dan tanam-tanaman. Persediaan Tahun Baharu Cina bermula awal sebelum hari pertama perayaan. Rumah perlu dibersihkan agar bebas daripada habuk dan sawang labah-labah. Pakaian dan kasut dijahit atau dibeli baharu, selain bekalan makanan dan keperluan rumah disediakan. Dalam makalah pada kali ini, penulis akan menghuraikan keistimewaan 15 hari sambutan Tahun Baharu Cina untuk tatapan dan pengetahuan pembaca yang budiman.

Hari Pertama

Tahun Baharu Lunar bermula dengan masyarakat Cina mengalu-alukan kedatangan dewa. Yang pastinya, pada hari pertama masyarakat Cina akan membebaskan diri daripada makanan yang berlaukkan daging untuk memastikan mereka dan kedua-dua ibu bapa mereka panjang umur, hidup dalam kegembiraan dan kebahagiaan. Pada zaman dahulu, daging tidak dapat disimpan lama dan menjadi tidak segar akibat ketiadaan peti sejuk. Maka itu, makanan berupa sayur-sayuran dihidangkan pada hari raya pertama. Ucapan dan kunjungan hormat dibuat ke rumah leluhur dan sanak saudara tua yang terdekat.

Hari Kedua

Pada hari kedua, masyarakat Cina akan melangsungkan upacara ritual *Kai Nian*, iaitu Tahun Terbuka. Dalam upacara ini, mereka



Upacara makan besar perayaan Tahun Baru Cina.

akan menyembah dewa sebelum menyampaikan hajat kepada mendiang leluhur. Pada kebiasaannya, anak perempuan yang sudah berumah tangga akan menziarahi keluarga pada hari tersebut.

Hari Ketiga dan Keempat

Hari ketiga dan keempat merupakan hari khas untuk anak menantu lelaki berkunjung ziarah sebagai tanda penghormatan kepada keluarga mentua.

Hari Kelima


Hari kelima juga dikenali sebagai *Po Woo*, atau jamuan makan untuk Tuhan Kekayaan. Kebanyakan masyarakat Cina akan berada di rumah untuk mengalu-alukan kedatangan dewa. Kunjungan ke rumah keluarga dan sahabat tidak digalakkan pada hari ini, kononnya akan mengundang nasib yang kurang baik kepada kedua-dua pihak, selain dikhuatiri dapat mencetuskan punca pertengkaran atau perbalahan.

Hari Keenam

Merupakan hari lawatan dan kunjungan bagi masyarakat Cina. Pada hari ini mereka akan bersembahyang di tokong atau di kuil demi kesihatan, kekayaan dan kemakmuran hidup yang berterusan.

Hari Ketujuh

Hari ketujuh juga dikenal sebagai *Ren Ri* atau Hari Manusia. Pada hari tersebut, masyarakat Cina dijadualkan untuk makan ikan mentah bersama-sama *misoa*, iaitu sejenis mi halus, untuk panjang umur.



Tanglung begitu sinonim dengan perayaan Tahun Baru Cina.



Buah limau melambangkan kekayaan bagi masyarakat Cina.

Hari Kelapan

Hari terpenting dalam kalangan masyarakat Cina Hokkien. Mereka akan berkumpul untuk jamuan atau makan besar. Setiap orang, termasuk kanak-kanak, digalakkan tidur lewat sehingga melepasi waktu tengah malam yang akan diserikan dengan pembakaran mercun dan bunga api selepas usai menjalani upacara sembahyang kepada *Thnee Gong* atau Tuhan Syurga. Di altar, turut disediakan bangku atau bata agar kaki tidak menyentuh tanah, selain pelbagai makanan dipersembahkan, seperti khinzir panggang, kuih *ang koo* dan batang tebu yang

lengkap. Kononnya, pada zaman Dinasti Sung, masyarakat Cina Hokkien telah dipancing oleh panglima perang yang kejam, Yang Lu Lang. Maka, pada hari kelapan Tahun Baharu Cina, masyarakat Cina Hokkien secara spiritual dipandu agar berlindung di ladang tebu atau *kam chia* dalam suku dialek Hokkien sehingga pemergian askar-askar tersebut pada keesokan harinya. Mulai hari tersebut, masyarakat Cina Hokkien sentiasa berdoa dan bersembahyang kepada Tuhan Syurga pada hari kelapan, bersertakan batang-batang tebu sebagai tanda penghargaan atas pembebasan atau diselamatkan daripada dosa.

Hari Kesembilan


Sebagai lanjutan perayaan yang bermula pada tengah malam hari kelapan, komuniti lain dalam kalangan masyarakat Cina akan bersembahyang dan berdoa kepada Tuhan Syurga atau *Jade Emperor*.

Hari Sepuluh, Sebelas dan Kedua Belas

Sambutan perayaan diteruskan dengan jamuan atau makan besar dan ucapan selamat bersama-sama ahli keluarga.



Yee Sang menjadi makanan tradisi sambutan Tahun Baru Cina.



Aktiviti membakar mercun pada setiap malam Tahun Baru Cina.

Hari Ketiga Belas

Makanan secara sederhana dihidangkan. Sesetengah keluarga akan menghidangkan nasi berlaukkan sayur-sayuran untuk tujuan kesihatan badan selepas berjamu secara besar-besaran.



Tanglung digantung sempena perayaan Tahun Baru Cina.



Tarian singa mempunyai keunikan yang tersendiri.

Hari Keempat Belas

Lentera dan *teng*, atau tanglung, akan dibuat oleh masyarakat Cina, terutamanya di China, sebagai persediaan menjelang Festival Lentera pada hari kelima belas.

Hari Kelima Belas

Di Malaysia, hari kelima belas dirayakan oleh masyarakat Cina dengan makanan dan minuman. Bagi masyarakat Cina Hokkien pula, hari kelima belas, atau dikenali sebagai *capgome* (Cap Goh Mei) merupakan Hari Kekasih. Pada zaman dahulu, si gadis akan menaiki beca mengelilingi pekan selepas makan malam, manakala pihak teruna pula akan berada di tempat yang strategik untuk mengintai gadis idaman masing-masing. Selepas itu, rumah gadis yang diminati akan didatangi oleh jurubicara perkahwinan untuk membuat perundingan, menetapkan tarikh pertunangan dan persiapan bagi kedua-dua pihak.

Kini, gadis dan teruna Cina mampu berdikari untuk menentukan pasangan hidup masing-masing melalui jalinan komunikasi di tempat kerja, majlis jamuan, jaringan telefon pintar dan media sosial tanpa bantuan orang tengah. Dahulu, amalan ritual yang biasa dilakukan pada malam hari kelima belas ialah pesta lontaran limau mandarin oleh gadis bujang dari jambatan ke laut. Berbeza pula pada masa ini, nombor telefon pintar gadis tertulis pada limau mandarin sebelum dilontarkan ke arah teruna idaman masing-masing.